

# Pelajar sertai program kemasyarakatan

SH 10/04/08 pg. T8

Sepanjang program berlangsung pelajar UMT mendapat kerjasama padu dan layanan yang baik daripada mereka.

■ AZURA MOHAMAD

**ALOR KELADI** - Program kemasyarakatan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang berlangsung selama empat hari tiga malam berjaya mengeratkan hubungan 31 pelajar dan masyarakat Alor Keladi.

Pengarah Program Mohd. Hafizal Zainuddin, berkata

program ini bertujuan menjalinkan hubungan dalam kalangan pelajar dan masyarakat berharap program tersebut mencapai matlamat.

“Sepanjang program berlangsung, kami (pelajar UMT) mendapat kerjasama yang padu dan mendapat layanan begitu baik daripada mereka.

“Kebanyakan pelajar nampaknya sukar untuk meninggalkan tempat ini kerana banyak aktiviti yang dilakukan bersama-sama keluarga angkat dan masyarakat serta layanan yang diberikan membuatkan peserta berasa sedih untuk meninggalkan tempat ini,” katanya kepada **Sinar Harian**.

Sementara itu, seorang peserta program, Masitah Abd. Aziz, 23, pelajar Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial berkata layanan yang diberikan keluarga angkat sepanjang berada di Alor Keladi membuatkan dirinya terharu.



Pelajar UMT bergambar kenangan bersama keluarga angkat di Kampung Alor Keladi, semalam.

“Emak dan ayah angkat layan saya selama berada di sini (Alor Keladi) seolah-olah saya ini anaknya sendiri, mereka sanggup berkorban

masa untuk membawa saya berjalan-jalan di sini.

“Saya amat berharap suatu hari nanti dapat kembali semula ke sini dan hubungan

yang terbina biarpun hanya beberapa hari berada di sini akan terus kekal untuk selamanya,” ujarnya.

Katanya, dia sangat

gembira menyertai program itu dan berharap berpeluang menyertai program yang banyak memberikan manfaat ini pada masa akan datang.